# PROSEDUR KUALITI

# PK(PT)-10
# PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN SEKSYEN 425 KTN

| DISEDIAKAN | DILULUSKAN |
|---|---|
| ........................................................<br>(MOHD SHAHRIL BIN MOHD ARSHAD)<br>PENOLONG PEGAWAI DAERAH<br>(PENGUATKUASAAN & TEKNIKAL)<br><br>Tarikh : 1 Februari 2019 | ........................................................<br>(TENGKU DATO' NOR ASMALIZA BINTI KU LAH)<br>PEGAWAI DAERAH KUANTAN<br><br>Tarikh : 1 Februari 2019 |

**Borang PD-3 : SENARAI REKOD PINDAAN**

| BIL | TARIKH KELULUSAN | NO. TERBITAN | MUKA SURAT | PINDAAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

## 1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan mewujudkan satu sistem Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan yang cekap, berkesan, berpotensi, mantap, adil dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti agar memberi keuntungan yang optima kepada orang awam, syarikat-syarikat dan kerajaan.

## 2.0 SKOP

Prosedur ini diguna pakai oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dalam mengurus program unit Kuat Kuasa Dan teknikal.

## 3.0 RUJUKAN

3.1 Kanun Tanah Negara 1965
3.2 Kaedah Tanah Pahang 1992
3.3 Arahan Pentadbiran Tanah Negeri (APTN)
3.4 Peraturan Tanah Negeri 1966,Pindaan 1987
3.5 Pekeliling-Pekeliling KPTG
3.6 Surat-surat Pekeliling KPTG
3.7 Pekeliling – Pekeliling PTG
3.8 Arahan – Arahan / Keputusan MMK
3.9 Pekeliling-pekeliling Setiausaha Kerajaan Pahang (SUK)

## 4.0 DEFINISI

Unit Penguatkuasaan merupakan pasukan petugas atau kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasaan kesalahan-kesalahan dibawah Kanun Tanah Negara 1965 dengan telus, cekap dan saksama.

## 5.0 SINGKATAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5.1 | PBN | - | Pihak Berkuasa Negeri |
| 5.2 | MMK | - | Majlis Mesyuarat Kerajaan |
| 5.3 | JKPTD | - | Jawatankuasa PenyelesaianTanah Daerah |
| 5.4 | PTG | - | Pengarah Tanah dan Galian |
| 5.5 | PTD | - | Pentadbir Tanah Daerah |
| 5.6 | PPTD | - | Penolong Pentadbir Tanah Daerah |
| 5.7 | PPT(K) | - | Penolong Pegawai Tanah (Kanan) |
| 5.8 | KPT | - | Ketua Pembantu Tadbir |
| 5.9 | PPT | - | Penolong Pegawai Tanah |
| 5.10 | PT | - | Pembantu Tadbir |
| 5.11 | PT(H) | - | Pembantu Tadbir (Hasil) |
| 5.12 | PP | - | Pelukis Pelan |
| 5.13 | PN | - | Penghantar Notis |
| 5.14 | MPK | - | Majlis Perbandaran Kuantan |
| 5.15 | JKR | - | Jabatan Kerja Raya |
| 5.16 | JPS | - | Jabatan Pengairan dan Saliran |
| 5.17 | JPBD | - | Jabatan Perancang Bandar dan Desa |
| 5.18 | JPPH | - | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 5.19 | JAS | - | Jabatan Alam Sekitar |
| 5.20 | JMG | - | Jabatan Mineral dan Geosains |

## 6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| PTD/ KPPD(T)/ PPD(KK) PPTK(KK)/PPT/PT (KK) | – Terima aduan berlaku pencerobohan tanah kerajaan atau dikesan.<br>– Arah tindakan/ lapor kepada pegawai bertanggungjawab. |
| PPT / PT (KK) | – Catat didalam Buku Rekod Aduan dan buka fail siasatan awal.<br>– Edar fail kepada PPD(KK) / PPTK(KK) |
| PPD(KK) / PPTK(KK) | – Arah tindakan siasat dan lapor kepada PPT |
| PPT | – Siasatan dan tindakan:<br>i) Buat pemeriksaan ditempat aduan<br>ii) Sekiranya terdapat penerokaan ditempat aduan, perkenalkan diri melalui kad kuasa<br>iii) Periksa dokumen berkaitan bagi mempastikan peraturan di patuhi<br>iv) Rekod setiap pemeriksaan (status tanah, maklumat peneroka, dsb )<br>v) Mengambil gambar kawasan aduan<br>vi) Ukur kawasan aduan untuk tujuan penyediaan pelan<br>– mengemaskini laporan dan edar fail kepada PPTK (KK). |
| PPTK(KK) | – Membuat semakan dan ulasan terhadap laporan PPT.<br>– Edar fail kepada PPD(KK) |
| PPD(KK) | – Meneliti laporan dan syor<br>– Edar fail kepada PTD / KPPD(T) |
| PTD / KPPD(T) | – Meneliti laporan dan menentukan tindakan .<br>– Edar fail kepada PPD(KK) |

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| PPD(KK) | – Mengarahkan PT(KK) sebagaimana arahan tindakan daripada PTD / KPPD(T) |
| PT(KK) | – Membuka fail kes / rekod (jika ada kes )<br>– Kemaskini rekod / tamat tindakan (jika tiada kes )<br>– Edar fail kepada PPD(KK) |
| PPD (KK) | – Memberi arahan kepada KPT/PT (KK) menyediakan kertas ringkas keputusan PTD / JKPTD / MMK |
| PTD / JKPTD / MMK | – Keputusan :-<br>i) Tangkapan / Rampasan ( APTN BIL.2/2009 )<br>ii) Meroboh / Memusnah ( APTN BIL.3/1985 |
| | – Proses tindakan :-<br>**A. Tangkapan / Rampasan** |
| PPTK(KK) / PPT | - Tatacara tangkapan merujuk kepada Kanun Acara Jenayah.<br>- Bawa OKS ke balai polis berhampiran dan buat laporan polis<br>- Jika pencerobohan melibatkan jentera / kenderaan, bawa jentera / kenderaan ke pejabat atau balai polis berdekatan.<br>- Buka fail dan rekod.<br>- Keluarkan notis kuasa menyita / merampas seksyen 426 A(1)(b) kepada pemandu atau pemilik kenderaan jika diketahui.<br>- Sediakan Laporan Pemantauan dan Operasi Penguatkuasaan (LPOP) kepada PPTK(KK). |
| PPTK (KK) | PPTK(KK) sediakan laporan kepada KPPD(T) / PPD(KK) |
| KPPD ( T) / PPD (KK) | Melantik Pegawai Penyiasat (IO) dan rujuk kepada PTD. Setelah mendapat persetujuan PTD arah tindakan. |

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| IO | - Dapatkan laporan polis dan LPOP dan teliti kesalahan<br>- Buka Kertas Siasatan (IP).<br>- Lawatan dan siasatan tapak serta pemeriksaan kenderaan / jentera di tempat sitaan.<br>- Mengambil gambar berkaitan.<br>- Merakam percakapan pengadu / saksi dan orang yang disyaki (OKS).<br>- Memanggil saksi lain sekiranya perlu.<br>- Mengemaskini / menyusun IP mengikut urutan:<br>i) Laporan LPOP / Laporan Polis<br>ii) Rakamkan percakapan pengadu / saksi<br>iii) Rakamkan percakapan OKS<br>iv) Diari IO.<br>v) Lampiran (gambar, salinan notis kesalahan, notis sita, dsb )<br>- IO semak dan teliti IP.<br>- IO serah IP kepada PPUU untuk tindakan seterusnya. |
| PPUU | Semak dan teliti laporan IP daripada IO dan serah IP kepada TPR untuk menilai kekuatan kes. |
| TPR | - TPR akan meneliti laporan IP dan bukti - bukti yang ada untuk menilai samaada kesalahan yang dilakukan oleh OKS boleh dikaitkan dengan undang - undang yang ada. TPR juga akan mengesyorkan samaada kes ini akan dikenakan tindakan kompaun atau tindakan mahkamah.<br>- Rundingan akan dilakukan dengan OKS sekiranya kesalahan ini hanya dikenakan kompaun, dan OKS bersetuju dengan kompaun yang dikenakan dan membayar kompaun dan kes ini akan dianggap selesai setelah OKS membayar jumlah kompaun tersebut. Sekiranya OKS tidak bersetuju dengan kesalahan dan kompaun ynag dikenakan, OKS berhak untuk meminta kes ini dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan.<br>- TPR akan daftar kes ke mahkamah untuk sebutan kes dan mendapatkan tarikh perbicaraan. |
| TPR | TPR teliti IP dan buat keputusan. Fail dikembalikan kepada PTD untuk tindakan |

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| PTD / KPPD (T) | PTD mengambil tindakan terhadap keputusan<br>**a. Kompaun**<br>• Tentukan jumlah kompaun<br>• Sediakan borang 9 dan 10 [Kaedah 40(3)]<br>• Catatkan dalam Buku Rekod Kompaun setelah dijelaskan oleh pesalah<br>• Sekiranya kompaun tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari angkat fail kepada TPR untuk tindakan selanjutnya<br><br>**b. Tindakan Mahkamah**<br>Untuk tindakan TPR selanjutnya. |
| | – **Proses tindakan :-**<br>**B. Meroboh/ memusnah** |
| PTD / KPPD (T) / PPD (KK) / PPTK (KK) / PPT / PN / POL | - Notis kepada penceroboh<br>- Maklum kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang<br>- Lapor dan minta bantuan polis sebelum tindakan<br>- Catat nama-nama anggota Penguatkuasa bertindak termasuk anggota Polis<br>- Sedia laporan tindakan dan lapor kepada polis selepas selesai operasi<br>- Sedia laporan lengkap kepada Pentadbir Tanah Daerah |

## 7.0 REKOD-REKOD BERKAITAN

| BIL. | REKOD | LOKASI PENYIMPANAN | TEMPOH PENYIMPANAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Buku Terima Aduan | Unit Kuatkuasa | Kekal |
| 2. | Fail Permohonan | Unit Kuatkuasa | 5 Tahun |
| 3. | Buku Daftar Pergerakan Fail | Unit Kuatkuasa | Kekal |
| 4. | Buku Despatch | Unit Kuatkuasa | 5 Tahun |
| 5. | Buku Rekod Kompaun | Unit Kuatkuasa | Kekal |